



# **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA MPSP**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN LAMAN WEB  
HACK FEST MPSP 2018**

**31 MAC 2018 (SABTU)**

**10.00 PAGI**

**AUDITORIUM MPSP  
MENARA MPSP, BANDAR PERDA  
BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**  
-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran Laman Web HackFest MPSP 2018.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli-Ahli Majlis dan semua hadirin dan hadirat kerana sudi meluangkan masa pada hujung minggu menghadiri program anjuran MPSP.

**Yang Amat Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Untuk makluman semua, pada 2 Januari 2018, MPSP telah melancarkan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 dengan mengariskan visi Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Pintar dipacu oleh Teknologi. Pelan Strategi ini merupakan dokumen hala tuju strategik dalam tempoh lima (5) tahun dan

merupakan satu (1) perancangan atau komitmen MPSP untuk merealisasikan kehendak *stakeholders* di Seberang Perai.

**Yang Amat Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Ciri-ciri bandar masa hadapan adalah meletakkan keutamaan kepada mempromosikan *engagement* di antara *stakeholders* dan MPSP. Oleh itu, pendekatan MPSP dalam mewujudkan bandaraya pintar menjelang 2022 bermula dengan *community engagements* supaya komuniti mengambil bahagian untuk memahami bagaimana bandar pintar boleh menyelesaikan urusan harian mereka dengan mudah, pantas dan pintar.

Pada hari ini, terbuktinya dengan Pelancaran Laman Web Hackfest MPSP 2018, adalah program *engagement* di antara *stakeholders* dengan MPSP khususnya golongan remaja untuk menggilap bakat, kreativiti, kerja berpasukan serta mewujudkan ikatan jaringan pintar dengan MPSP.

Saya berharap lima (15) hingga dua puluh lima (25) kumpulan akan mengambil bahagian dalam penganjuran Hackfest yang akan diadakan pada bulan Julai 2018 sempena Hari Majlis MPSP. Saya jugaberharap seramai 125 orang peserta yang akan menyertai program

ini. Permohonan untuk penyertaan telah pun dibuka mulai 15 Februari 2018 sehingga 1 Julai 2018. Lokasi penganjuran adalah di Menara MPSP, Bandar Perda bermula 13 hingga 15 Julai 2018.

**Yang Amat Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Hackfest MPSP 2018 adalah *problem solving* diluar kotak pemikiran biasa yang pertama dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia. Saya amat berbangga dengan sokongan YAB Ketua Menteri, Ahli Majlis, Puan Setiausaha Perbandaran serta Ketua-ketua Jabatan kerana menyokong usaha mencari penyelesaian melalui "*Think Out Of The Box*". Pemilihan tema HackFest kali ini iaitu "*Cyber Counter*" adalah *problem statement* untuk memudahkan lagi urusan komuniti Seberang Perai dengan MPSP dalam usaha meningkatkan perkhidmatan barisan hadapan MPSP. Pendekatan ini adalah bukti keterbukaan MPSP melalui prinsip inklusif city. Terdapat pelbagai urusan orang awam dengan MPSP terutama di kaunter berpusat yang adakalanya mengundang kesesakkan dan kelewatan kepada orang awam dalam menjalankan tugas-tugas lain. Oleh itu, *Cyber Counter* bukan sahaja dapat memberi perkhidmatan atas talian malahan memendekkan proses, mudah, pantas dan boleh dicapai oleh mana-mana telefon pintar.

**Yang Amat Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Keutamaan Strategik MPSP untuk menjadi bandaraya rendah karbon berasaskan bandar pintar menjelang tahun 2022 adalah seperti berikut:

- i. *Green Wave* melalui penggunaan *loop sensor* dipersimpangan jalan untuk melancarkan lalulintas dan menyelesaikan masalah kesesakan. Bagi tahun 2018, MPSP akan melaksanakan Sistem *Green Wave* di tiga (3) lokasi yang dikenalpasti iaitu di Jalan Bukit Tambun, Jalan Bukit Minyak dan Jalan Kebun Nenas (Autocity). Pelaksanaan ini dapat meningkatkan kelancaran aliran lalulintas dan secara tidak langsung dapat mengurangkan masa kelengahan menunggu lampu isyarat, mengurangkan panjang baris gilir kenderaan di persimpangan dan mengurangkan pencemaran udara.
  
- ii. Pada tahun 2018, MPSP juga bercadang untuk memasang sistem pintar untuk pemantauan lampu isyarat di 100 persimpangan. Dengan kerjasama dari pihak Telekom Malaysia Berhad, melalui pakej TM One. Teknologi yang diperkenalkan ini dapat membantu pihak MPSP memantau melalui IoT keadaan semasa simpang-

simpang lampu isyarat agar kawalan dan tindakan dapat diambil secara proaktif sebelum aduan di terima daripada orang awam.

- iii. Penggunaan *Drone* akan diperkenalkan dalam usaha memantau kawasan bermasalah daripada udara. Melalui aplikasi BDA, Ke semua data ini akan disimpan, dianalisa dan sistem akan membuat prediktif untuk perancangan lalulintas bagi kawasan pembangunan baru. Penggunaan teknologi *machine learning* akan diguna secara meluas untuk perancangan lalulintas bagi mengelakkan kesesakan dimasa hadapan.
  
- iv. Selain itu, pengurusan aduan juga telah dinaiktaraf supaya lebih efektif dan efisien. Penambahan saluran aduan melalui MyMPSP membolehkan aduan dibuat dengan lebih mesra dan interaktif. Aplikasi MyMPSP (MyMPSP apps) boleh dimuat turun melalui *play store* ke telefon pintar yang menggunakan platform Android atau IOS. Aplikasi MyMPSP telah pun diperkenalkan pada Oktober 2017. Sistem tindakan, pemantauan dan Pelaporan malalui aplikasi *smarteyes* boleh beroperasi secara offline. Seterusnya MPSP akan membangunkan *geoportal heatmap* Aduan supaya dapat menentukan kawasan hotspot aduan serta jenis aduan mengikut hotspot bertujuan untuk membantu menyelesaikan masalah penduduk secara proaktif dan pantas.

- v. MPSP mempunyai Pengurusan Risiko yang sistematik dan tidak memandang ringan atas keselamatan data dari ancaman hackers atau bencana alam. MPSP telah pun membangunkan Data Recovery Center (DRC) pada bulan Disember 2017 bertujuan untuk menyediakan backup keseluruhan data-data MPSP secara *real time*. DRC memenuhi konsep resilient dalam pengurusan data. DRC dapat membantu dalam mengurangkan risiko kegagalan di dalam memberikan perkhidmatan kepada seluruh penduduk Seberang Perai selepas berlakunya bencana.
  
- vi. Salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam Projek Data Raya(BDA) adalah Pengurusan Sisa Pepejal. MPSP telah ditugaskan untuk melaksanakan kluster Alam Sekitar iaitu Pengurusan Sisa Pepejal. Fokus kluster ini terbahagi kepada ramalan penjanaan sisa dan simulasi corak kesempurnaan proses kitar semula. MPSP akan menggunakan BDA dan IOT dalam mengira unjuran sisa pepejal bagi pembangunan sedia ada dan pembangunan baru, mewujudkan pengkalan data sisa pepejal dan bahan kitar semula yang pada akhirnya akan dimuatkan ke dalam portal open data MPSP untuk memacu ekonomi digital Seberang Perai.



- vii. Dasar keterbukaan MPSP membolehkan Mesyuarat Majlis Penuh MPSP dilihat secara siaran langsung melalui Facebook MPSP setiap bulan. MPSP juga menggunakan khidmat jurubahasa isyarat semasa perjalanan Majlis Penuh serta semua acara-acara penting. Keterbukaan ini adalah merupakan julung kalinya dan tak pernah dibuat oleh mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa Tempatan. Terima kasih kepada rakan pintar MPSP, Persatuan Orang-Orang Pekak Dan Bisu Negeri Pulau Pinang yang telah bersetuju membekalkan Juru Bahasa isyarat. Ini juga menunjukkan bahawa MPSP begitu komited dan prihatin dalam kehendak sejagat “*Leaving No One Behind*” dan ini juga merupakan intipati Bandar Pintar sebenarnya iaitu Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan untuk semua.
- viii. Tahun 2018 MPSP akan memperkenalkan Sesi Town Hall Pintar semasa Budget Dialog 2019 yang akan diadakan pada bulan April atau Mei 2018. MPSP akan memperkenalkan kaedah baru dalam interaksi bersama peserta secara *real time dan imprompto*. Peserta boleh mengemukakan soalan dan pendapat melalui telefon pintar dan akan dipamerkan di layar skrin. Undian kepada isu-isu yang diperbincangkan juga akan dibuat secara live bagi membolehkan semua peserta berpeluang untuk menentukan priority. Kaedah ini

akan mempercepat dan menggalakkan interaksi antara peserta dan MPSP.

- ix. MPSP juga dalam perancangan untuk menggunakan teknologi ewallet di Seberang Perai bagi memudahkan pembayaran perkhidmatan yang disediakan oleh pihak MPSP.
- x. *Data Security and Recovery*- MPSP dalam proses kajian semula infrastruktur ICT bagi mempercepatkan aliran maklumat, penambahan satu (1) unit firewall untuk keselamatan server dalaman, penambahan satu (1) unit Intrusion Prevention System (IPS) bagi tujuan pencegahan system serta laman web MPSP dari ancaman *hackers* dan penggunaan *icloud Computing* bagi perkhidmatan-perkhidmatan bukan kritikal MPSP.

**Yang Amat Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Saya memohon penglibatan sektor swasta untuk melibatkan diri secara serious dalam pembangunan bandar pintar melalui reka bentuk kawasan kemajuan baru yang bercirikan Smart Mobility, Smart Building, Water Saving, Pengurangan Tenaga, Penggunaan 15% tenaga solar atau lain-lain tenaga yang diperbaharui , smart community, peningkatan kadar kitar semula kepada 70% serta pengurangan sampah 50% iaitu

daripada 1.6kg per person per day kepada 0.8kg per person per day. Pemaju Hartanah perlu berani menerokai bidang baru serta melakukan transformasi dalam pembangunan hartanah melalui konsep pembangunan smart city.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, Terima kasih.**